

**SOALAN LAZIM  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024**

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
<b>i. Bantuan Baju Kot</b>		
1.	Siapakah yang layak menuntut Kemudahan Bantuan Baju Kot?	Kemudahan Bantuan Baju Kot layak diperuntukkan kepada:  a. Pegawai yang dikehendaki bertugas di Dewan Mahkamah; atau b. Pegawai yang bertugas di kaunter khidmat pelanggan secara bersemuka dan merupakan tugas hakiki pegawai.
2.	Berapakah kadar bagi Kemudahan Bantuan Baju Kot?	Kadar bagi Bantuan Baju Kot adalah RM500.00 sekali dalam tempoh tiga (3) tahun.
3.	Bilakah tarikh kuat kuasa kadar bagi kemudahan ini?	Kadar ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024. Pegawai yang telah membuat tuntutan sebelum tarikh kuat kuasa ini adalah tertakluk kepada kadar dan syarat terdahulu.
4.	Siapakah yang dimaksudkan dengan “Pegawai yang dikehendaki bertugas di Dewan Mahkamah”?	“Pegawai yang dikehendaki bertugas di Dewan Mahkamah” adalah pegawai yang menjalankan tugas rasmi di Dewan Mahkamah sebagai tugas hakikinya termasuk pegawai yang diarah menjalankan tugas berkenaan secara penanggungjawaban kerja dan disyaratkan memakai Baju Kot.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
5.	Apakah komponen pakaian bagi pegawai yang bertugas di kaunter khidmat pelanggan?	Bagi tujuan penyeragaman, komponen pakaian bagi pegawai yang bertugas di kaunter khidmat pelanggan secara bersemuka dengan pelanggan dan merupakan tugas hakiki pegawai adalah termasuk baju kot dan tali leher (lelaki) atau tudung/selendang (wanita) yang sepadan dengan warna pakaian.
6.	Adakah pegawai yang bertugas di Pusat Panggilan ( <i>Call Centre</i> )/ Meja Bantuan ( <i>Helpdesk</i> ) layak diberi kemudahan ini?	Kemudahan ini layak diberikan kepada pegawai yang bertugas di kaunter khidmat pelanggan secara bersemuka dengan pelanggan dan merupakan tugas hakiki pegawai.  Sehubungan itu, pegawai yang bertugas di Pusat Panggilan ( <i>Call Centre</i> )/ Meja Bantuan ( <i>Helpdesk</i> ) atau mana-mana bilik/tempat panggilan adalah tidak layak diberi kemudahan ini memandangkan pegawai tidak berurusan secara bersemuka dengan pelanggan.
7.	Sekiranya pegawai telah diluluskan tuntutannya pada 25 Disember 2024, bilakah kelayakan pegawai bagi tuntutan seterusnya.	Kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh tiga (3) tahun. Tuntutan berikutnya hanya dibenarkan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh kelulusan sebelumnya. Dalam situasi ini, pegawai hanya layak membuat tuntutan seterusnya mulai 25 Disember 2027.
<b>ii. Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja</b>		
8.	Siapakah yang layak menuntut Kemudahan Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja?	Kemudahan Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja layak diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam seperti berikut: a) bertugas sepenuh masa di persekitaran kerja di bawah suhu 20°C; dan b) bertanggungjawab mengendalikan alatan yang perlu ditempatkan di persekitaran di bawah suhu 20°C.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
9.	Berapakah kadar bagi Kemudahan Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja?	Kadar bagi kemudahan ini adalah RM200.00 sekali dalam tempoh tiga (3) tahun.
10.	Bilakah tarikh kuat kuasa kadar bagi kemudahan ini?	Kadar ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024. Pegawai yang telah membuat tuntutan sebelum tarikh kuat kuasa ini adalah tertakluk kepada kadar dan syarat terdahulu.
11.	Adakah seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) yang ditempatkan di Bilik <i>Server</i> yang bersuhu 16°C layak menuntut kemudahan ini?	<p>Kemudahan Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja layak diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam seperti berikut:</p> <p>a) bertugas sepenuh masa di persekitaran kerja di bawah suhu 20°C; dan</p> <p>b) bertanggungjawab mengendalikan alatan yang perlu ditempatkan di persekitaran di bawah suhu 20°C.</p> <p>Oleh yang demikian, pegawai tersebut adalah <b>tidak layak</b> menuntut kemudahan ini kerana tidak memenuhi syarat di perenggan (b).</p>
12.	Apakah perbezaan di antara Kemudahan Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja dengan Elaun Pakaian Panas?	<p>Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR.x.x.x Kemudahan Bantuan Pakaian Panas Tempat Kerja layak diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam seperti berikut:</p> <p>a) bertugas sepenuh masa di persekitaran kerja di bawah suhu 20°C; dan</p> <p>b) bertanggungjawab mengendalikan alatan yang perlu ditempatkan di persekitaran di bawah suhu 20°C.</p> <p>Manakala, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP1.4 Perenggan 6.7 Elaun Pakaian Panas layak diberikan kepada pegawai yang dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar negeri. Maklumat lanjut mengenai Elaun Pakaian Panas boleh dirujuk kepada Kementerian Kewangan Malaysia.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
13.	Sekiranya pegawai telah diluluskan tuntutannya pada 10 Februari 2025, bilakah kelayakan pegawai bagi tuntutan seterusnya.	Kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh tiga (3) tahun. Tuntutan berikutnya hanya dibenarkan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh kelulusan sebelumnya. Dalam situasi ini, pegawai hanya layak membuat tuntutan seterusnya mulai 10 Februari 2028.
<b>iii. Jubah Mahkamah</b>		
14.	Siapakah yang layak menuntut Kemudahan Bantuan Jubah Mahkamah?	Kemudahan Bantuan Jubah Mahkamah diperuntukkan kepada pegawai dari skim perkhidmatan Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah yang bertugas menghadiri perbicaraan di Dewan Mahkamah sebagai tugas hakikinya.
15.	Berapakah kadar bagi Kemudahan Bantuan Jubah Mahkamah?	Kadar bagi kemudahan ini adalah RM750.00 bagi setiap tiga (3) tahun.
16.	Bilakah tarikh kuat kuasa kadar bagi kemudahan ini?	Kadar ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024. Pegawai yang telah membuat tuntutan sebelum tarikh kuat kuasa ini adalah tertakluk kepada kadar dan syarat terdahulu.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
17.	Apakah komponen bagi Jubah Mahkamah?	Komponen bagi Pakaian Jubah Mahkamah adalah seperti berikut: a. Jubah ( <i>Gown</i> ); b. Baju Putih ( <i>White Shirt</i> ); c. <i>Bib</i> ; dan d. <i>Wing Collar</i> .
18.	Sekiranya pegawai telah diluluskan tuntutan pada 3 Mei 2025, bilakah kelayakan pegawai bagi tuntutan seterusnya.	Kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh tiga (3) tahun. Tuntutan berikutnya hanya dibenarkan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh kelulusan sebelumnya. Dalam situasi ini, pegawai hanya layak membuat tuntutan seterusnya mulai 3 Mei 2028.
<b>iv. Pakaian Seragam dan Pakaian Keperluan Tugas</b>		
19.	Siapakah yang layak dibekalkan Pakaian Seragam?	Kemudahan Pakaian Seragam (PS) diberikan sebagai lambang kuasa kepada pegawai yang perkhidmatannya melibatkan pertahanan dan kedaulatan Negara, keselamatan dan ketenteraman awam antaranya pasukan polis, tentera, bomba, kastam, imigresen.
20.	Siapakah yang layak dibekalkan Pakaian Keperluan Tugas?	Kemudahan Pakaian Keperluan Tugas (PKT) diberikan bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri serta pengenalan diri pegawai semasa bertugas di lapangan, makmal, bengkel atau yang setara. Ia juga memenuhi keperluan kod etika berpakaian yang ditetapkan untuk melaksanakan tugas.
21.	Apakah komponen-komponen Pakaian Seragam?	Komponen bagi PS adalah : <ul style="list-style-type: none"> <li>● pakaian (baju, seluar, kain);</li> <li>● topi/ songkok</li> <li>● tudung;</li> <li>● tali pinggang;</li> </ul>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>● tali leher; dan</li> <li>● kasut.</li> </ul> <p>Komponen yang layak bagi pegawai adalah tertakluk kepada kelulusan yang diberikan.</p>
22.	Apakah komponen-komponen Pakaian Keperluan Tugas?	<p>Komponen bagi PKT adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● pakaian (baju, seluar, kain);</li> <li>● vest;</li> <li>● topi/ songkok</li> <li>● tudung; dan/atau</li> <li>● kasut.</li> </ul> <p>Komponen yang layak bagi pegawai adalah mengikut kelulusan yang diberikan.</p>
23.	Berapakah bilangan Pakaian Seragam/ Pakaian Keperluan Tugas yang dibekalkan kepada pegawai untuk setahun?	<p>PS dibekalkan sebanyak tiga (3) pasang pakaian beserta dua (2) pasang setiap kasut setahun.</p> <p>PKT dibekalkan maksimum tiga (3) pasang pakaian dan/ atau dua (2) pasang kasut setiap tahun tertakluk kepada kelulusan yang diberikan.</p>
24.	Berapakah bilangan topi dan songkok bagi Pakaian Seragam/ Pakaian Keperluan Tugas yang dibekalkan kepada pegawai untuk setahun?	<p>Bagi komponen PS/ PKT seperti topi/songkok, tudung, tali pinggang dan tali leher, kuantiti pembekalan adalah tertakluk kepada keperluan tugas dan peruntukan kewangan Jabatan/Agensi.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
25.	Bagaimanakah cara untuk memohon kemudahan Pakaian Seragam/ Pakaian Keperluan Tugas?	<p>Jabatan/ Agensi perlu mengemukakan permohonan kemudahan PS/ PKT kepada JPA melalui Kementerian masing-masing.</p> <p>Setelah mendapat kelulusan daripada JPA, Jabatan/ Agensi perlu mengemukakan permohonan reka bentuk, warna dan aksesori bagi PS atau PKT yang baharu kepada Jawatankuasa Penyelarasan Pakaian Seragam bagi Pegawai Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun yang diurusetiaikan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM).</p>
26.	Adakah reka bentuk dan warna PS / PKT yang telah diluluskan boleh dipinda?	<p>Jika terdapat sebarang pindaan ke atas reka bentuk, warna dan aksesori PS/PKT, Kementerian/ Jabatan/Agensi boleh membuat permohonan kepada Jawatankuasa Penyelarasan Pakaian Seragam bagi Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang diurusetiaikan oleh BIUPA, JPM dan Kementerian Kewangan Malaysia sekiranya melibatkan implikasi kewangan.</p>
27.	Bagaimanakah kaedah pembekalan PS/PKT dilaksanakan?	<p>Bagi tujuan Pembekalan PS dan PKT, Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah mematuhi prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan WP 2.3: Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan Dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dan pindaannya dari semasa ke semasa.</p>
28.	Adakah pemberian Bantuan Upah Jahit masih terpakai kepada pembekalan PS/ PKT?	<p>Pemberian Bantuan Upah Jahit adalah terpakai kepada pembekalan PS dan PKT berdasarkan prosedur perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
29.	Bilakah pembekalan PS/ PKT perlu dibekalkan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi?	Pembekalan PS/ PKT hendaklah dibuat sebelum akhir bulan April setiap tahun.
30.	Apakah tanggungjawab Ketua Jabatan?	<p>Ketua Jabatan hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. memastikan kelulusan pemakaian Kemudahan PS atau PKT diperolehi daripada JPA sebelum membuat pembekalan pakaian kepada pegawai;</li> <li>b. memastikan kelulusan reka bentuk, warna dan aksesori diperolehi daripada BIUPA sebelum membuat pembekalan pakaian kepada pegawai;</li> <li>c. memastikan bekalan PS dan PKT dibuat dalam tempoh waktu yang ditetapkan; dan</li> <li>d. memastikan pegawai yang dibekalkan Kemudahan PS dan PKT memakainya semasa menjalankan tugas.</li> </ul>
31.	Adakah <i>tshirt</i> dan <i>inner tshirt</i> termasuk dalam komponen PS/PKT?	<i>Tshirt</i> dan <i>inner tshirt</i> adalah tidak termasuk di dalam komponen PS/PKT.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
32.	Sekiranya pegawai akan bersara pada Julai tahun berkenaan adakah pegawai layak dibekalkan PS/PKT?	Bagi pegawai yang akan bersara, pegawai adalah layak dibekalkan PS/PKT. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menentukan jumlah bekalan pakaian yang bersesuaian bagi memastikan kelancaran pegawai dalam melaksanakan tugas.
33.	Bolehkah pegawai wanita yang mengandung dibekalkan kemudahan PS/ PKT yang layak baginya walaupun beliau tidak bertugas di lapangan tetapi hanya bekerja dalam pejabat sepanjang tempoh mengandung?	Pegawai boleh dibekalkan PS/ PKT dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Ketua Jabatan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pengurusan bekalan PS/PKT kepada pegawai-pegawainya yang layak, serta mendapatkan kemudahan tersebut dan tidak melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
34.	Adakah pegawai layak dibekalkan PS/ PKT semasa tempoh Cuti Tanpa Gaji?	Sekiranya pegawai bercuti atau meninggalkan tugas melebihi 12 bulan, maka pegawai tidak layak untuk menuntut kemudahan pakaian ini atas dasar pegawai tidak menjalankan tugas dalam tempoh tersebut.
35.	Adakah pegawai yang ditahan kerja layak untuk menuntut PS/PKT bagi tahun-tahun yang beliau ditahan kerja tersebut?	Pegawai adalah tidak layak menuntut kemudahan PS/PKT sepanjang tempoh penahanan kerja memandangkan pegawai tidak menjalankan tugas dalam tempoh tersebut.
36.	Adakah pihak Kementerian/ Jabatan/ Agensi perlu mengemukakan permohonan kepada JPA bagi tempahan pakaian korporat?	<p>Tidak perlu. Permohonan perbekalan pakaian korporat boleh dipertimbangkan dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian/ Pegawai Pengawal berdasarkan Surat Edaran Kementerian Kewangan ruj: KK/BP/DS10/859/645 Jld. 20 (SK. 6/2012) (47) bertarikh 7 Disember 2012.</p> <p>Melalui surat tersebut, Kementerian/ Jabatan/ Agensi boleh mempertimbangkan dan meluluskan pakaian korporat/ seragam/ koir/</p>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>PENJELASAN</b>
		nasyid/ kontinjen perarakan dan seumpamanya selain daripada pakaian seragam yang diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia dan Pekeliling Perbendaharaan WP2.3.

PP SSPA BIL 1/2024